



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
21 FEBRUARI 2019 (KHAMIS)

AKHBAR

MUKA SURAT

KOSMO

- | | |
|------------------------------|----|
| - Dua tan sampah dalam rumah | 08 |
|------------------------------|----|

Utusan Malaysia

- | | |
|-------------------------------|-------|
| - UTC sesak, peniaga terjejas | 46-47 |
|-------------------------------|-------|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
21 FEBRUARI 2019 (KHAMIS)

Akhbar	KOSMO
Tajuk Berita	Dua tan sampah dalam rumah
Muka Surat	08

MPK ambil masa dua jam operasi pembersihan lepas terima aduan jiran

Dua tan sampah dalam rumah

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

KLANG — Majlis Perbandaran Klang (MPK) mengambil masa selama dua jam untuk membersihkan sampah dan barang lusuh di sebuah rumah teres di Jalan Dato' Dagang 17 di sini kelmarin.

Pengarah Komunikasi Korporat MPK, Norfiza Mahfiz berkata, tindakan itu dibuat susulan kedegilan pemilik rumah membersihkan sampah serta barang yang dianggarkan seberat dua tan walaupun notis telah dikeluarkan oleh pihaknya sejak sebulan lalu.

Penghuni rumah dipercaya seorang lelaki tempatan berusia lingkungan 50-an juga sering mengelak apabila pihak MPK ingin bertemu dengannya.

"Kita menerima aduan daripada jiran sebelum mengeluarkan notis kepada pemilik rumah sebulan lalu supaya membersihkan sampah dan barang lusuh yang dilongokkan di anjung ke diaman tersebut.

"Penghuni rumah itu bagaimanapun ingkar dan MPK terpaksa membuat operasi pembersihan bagi mengelak kejadian



ANGGOTA Penguet Kuasa MPK menunjukkan sebahagian daripada dua tan sampah di hadapan sebuah rumah bersama penghuni rumah.

tidak diingini berlaku," katanya ketika dihubungi *Kosmo* di sini semalam.

Norfiza memberitahu, operasi mengambil masa dua jam bermula pukul 9 pagi untuk membersihkan timbunan sampah antaranya sofa, bantal, tilam, pakaiannya dan besi buruk.

Jelas beliau, pihak MPK terpaksa memotong mangga pintu pagar rumah tersebut kerana penghuniinya tiada di rumah.

"Kita menggunakan jentolak untuk mengangkat sampah dan barang lusuh ke dalam lori sebelum dibuang ke tempat pelupusan sampah," katanya.

Seorang jiran yang malu dikenali sebagai Mani, 50, berkata, sampah dan barang lusuh itu dikumpulkan sejak dua tahun lalu.

"Lelaki itu (penghuni) menetap di sini sejak 20 tahun lalu dan bekerja sebagai mekanik.



KEADAAN Luar rumah yang kelihatan lapah selepas dibersihkan oleh penguet kuasa MPK.

Dia dipercayai ditinggalkan oleh isteri dan lima anaknya kerana kurang siuan.

"Biasanya dia berada di rumah pada waktu malam dan kurang bergaul dengan jiran," katanya.

Tambahnya, lelaki itu tidak mengganggu jiran dan lebih suka membuat hal sendiri.

"Penduduk buat aduan kerana rimas (timbunan sampah) selain mengelak kejadian tidak diingini berlaku," katanya.

INFO Kes berkaitan sampah

● **27 Ogos 2018** - Lima beranak di Padang Serai, Kedah pasrah tinggal di rumah tanpa air dan tidak terurus dan dipenuhi sampah sehingga menimbulkan bau busuk kerana tidak mampu menguruskan kediaman mereka

● **4 Januari 2018** - Seorang warga emas berusia 62 tahun yang lumpuh hidup merempat seorang diri di dalam rumah yang kotor dan dipenuhi sampah sarap serta najis di Kampung Kenangan, Johor Bahru selepas berselisih tahanan dengan keluarganya

● **5 September 2017** - Warga emas, Zaidah Maneor, 67, yang tinggal sebatang kara hidup dalam longgokan sampah di rumahnya di Taman Kosas, Ampang akibat masalah kesihatan sehingga menyebabkan pergerakannya terbatas untuk mengembara keluarganya

● **19 Oktober 2017** - Bahagian Khidmat Masyarakat Jabatan Ketua Menteri Melaka membelanjakan lebih RM10,000 bagi aktiviti gotong-royong sebuah rumah didiami 11 beranak yang dipenuhi sampah dan pakaian kotor di Bukit Rambai



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
21 FEBRUARI 2019 (KHAMIS)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	UTC sesak, peniaga terjejas
Muka Surat	46-47

UNIT BERITA KOTA 44, Jalan Utusan, Melalui Jalan Chan Sow Lin, 55200, Kuala Lumpur.
Facebook: Utusan Kota Twitter: @UtusanKota Laman web: www.utusan.com.my

um 21/2/19 m/s 46-47.



Perubahan waktu operasi terus terima rungutan
UTC sesak, peniaga terjejas

Oleh NIK HAFIZUL BAHARUDDIN
utusanikota@gmail.com

■ KUALA LUMPUR 20 FEB.

PERUBAHAN waktu operasi Pusat Transformasi Bandar (UTC) di seluruh negara sejak 22 Januari lalu bukan sahaja mengelirukan orang ramai bahkan menjadikan cawangan yang beroperasi pada sebelah malam sesak teruk.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di UTC Keramat Mall, Kampung Datuk Keramat di sini mendapati orang ramai mula beratur beberapa jam sebelum waktu operasi bermula untuk mendapatkan giliran.

Sebagian daripada mereka adalah pengunjung daripada daerah-daerah lain termasuk dari Selangor yang terpaksa memilih UTC berkenaan untuk berurusan pada sebelah malam setiap hari.

Keaduan ini disebabkan oleh perubahan masa operasi yang dipendekkan iaitu dari pukul 1 tengah hari hingga 10 malam pada Isnin hingga Khamis; 2.45 petang hingga 10 malam (Jumaat) dan 8 pagi hingga 5 petang (Sabtu dan Ahad).

Susana itu berbeza berbanding sebelum ini yang mana ia beroperasi dari pukul 8 pagi hingga 10 malam setiap hari.

Selain itu, masalah sama turut menyebabkan pendapatan lebih 200 peniaga di pasar raya itu terutama golongan peniaga makam yang terjejas kerana kehilangan pelanggan pada waktu pagi dan tengahari.

Peniaga mendakwa penda-

INFO

KERAMAT MALL

- Dibuka pada 2011
- Menempatkan lebih 200 peniaga
- UTC mula beroperasi pada 2015
- Menempatkan pejabat JPJ, JPN, Imigresen, PDRM, Klinik Pergigian dan Klinik Kesihatan
- Waktu operasi UTC:
Isnin - Khamis: 1 tengah hari - 10 malam
Jumaat: 2.45 petang - 10 malam
Sabtu & Ahad: 8 pagi - 5 petang

TINJAUAN kesesakan orang ramai dan gerai di sekitar UTC Keramat, Jalan Datuk Keramat, Kuala Lumpur, semalam.

patan terjejas lebih 50 peratus sejak perubahan waktu operasi UTC, kerana bergantung pada jumlah kehadiran pelanggan di pusat sehenti itu.

Susana lengang akibat keremosotan pelanggan dapat dilihat pada aras bawah bangunan dua tingkat itu yang menempatkan lebih 20 restoran.

Bagi mengelak pembaziran, kebanyakan peniaga kini terpaksa mengurangkan bahan jualan dan ada yang terpaksa menutup premis pada sebelah pagi kerana tiada pelanggan.

Pengerusi Persatuan Peniaga Keramat Mall, Sudin Mahmud berkata, kerajaan perlu kembali kepada waktu operasi dahulu demi kepentingan orang ramai dan golongan peniaga.

Katanya, perubahan waktu operasi itu bukan sahaja dibantah oleh peniaga dan pengunjung bahkan kakitangan UTC itu sendiri. "Pengunjung terpaksa beratur panjang untuk mendapatkan nombor giliran di kaunter manakala kakitangan awam pulak bertukar waktu kerja.

"Bayangkan kehadiran pengunjung yang terlalu ramai menyebabkan setiap individu menghabiskan masa berjam-jam untuk menyelesaikan urusan tersebut," katanya.

Jelas beliau, pihaknya sudah memanjangkan masalah itu kepada Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Shahruddin Md. Salleh dan berharap waktu operasi UTC dikembalikan kepada asal.



UTC Keramat Mall yang terletak di Jalan Datuk Keramat, Kuala Lumpur menjadi antara UTC paling sibuk kerana operasi yang bermula dari petang hingga malam. - UTUSAN/FARID JANUDI



JUMLAH kehadiran pengunjung di UTC Keramat Mall dikatakan merosot sehingga separuh selepas perubahan waktu operasi pejabat kerajaan sehenti itu.